

urusan Malaysia (dalam negeri)  
22/11/2016 (myka syarif' 11)



**TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH** menyampaikan ijazah kepada Rosyatimah Talib (kiri) dalam Majlis Konvokesyen UMP ke-11 di Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

## Ibu sebak terima ijazah anak

**KUANTAN 21 Nov.** - Meskipun masih bersedih dengan kematian anaknya hujung bulan lepas, seorang ibu menggagahkan diri untuk hadir mewakili anaknya itu menerima ijazah dalam Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke-11, di sini kelmarin.

Rosyatimah Talib, 53, menerima ijazah itu dalam keadaan sebak daripada Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor UMP di Kamar Canselor di Kompleks Sukan universiti berkenaan.

Penganugerahan itu turut disaksikan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Anak wanita berkenaan, Muhammad Naim Yusof, 22, yang berjaya menamatkan pengajian Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya di Jalan Muadzam Shah-Kuantan pada 30 Oktober lalu.

Rosyatimah berkata, Muhammad Naim yang merupakan

anak bongsu daripada empat beradik menjadi harapan keluarga namun kehendak Allah mengatasi segala-galanya.

"Kami sekeluarga masih terkejut dengan kehilangannya dan saya menggagahkan diri untuk hadir apabila mengenangkan usahanya selama ini sehingga berjaya menamatkan pengajian," katanya di sini.

Sementara itu, Rosyatimah yang berkongsi detik akhir bersama arwah Muhammad Naim memberitahu, beberapa hari sebelum kejadian, anaknya itu menelefonnya menyatakan ingin pulang ke kampung mereka di Felda Palong, dekat sini dan memintanya memasak daging salai.

"Berikutan saya mencari bahan untuk memasak hidangan berkenaan, Sejam sebelum kemalangan yang meragut nyawanya, kami makan bersama dan sempat bergurau senda sebelum arwah pulang ke Kuantan untuk bekerja.

"Hidangan ini menjadi kenangan terakhir yang begitu kuat dalam ingatan saya," katanya.